

BULETIN

JAMADILAKHIR 1441H | FEBRUARI 2020 | EDISI

02

JKR KELANTAN



**JABATAN KERJA RAYA
NEGERI KELANTAN**





SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Ir. Hj. Zailan Bin Ab. Rahman
Pengarah Kerja Raya Jabatan Kerja Raya
Kelantan

KETUA PENGARANG

Ir. HJ. Nik Soh Bin Yaacoub
Jurutera Awam Penguasa
Bahagian Pengurusan Korporat

AHLI JAWATANKUASA

BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

Ir. Nurmawaddah Binti Mohd Idris
Jurutera Awam (J48)

Puan Farah Syazana Binti Che Noh
Penolong Jurutera Awam (JA36)

Encik Shukri Bin Hasan
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Mohd Shamsul Azman Bin Manaf
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
(F29)

Cik Robyattul Hadawiyah Binti Shuhami
Juruteknik Komputer (FT17)



KANDUNGAN

10.02.2020

**LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA
SETIAUSAHA
(DASAR & PEMBANGUNAN), KKR KE
CADANGAN PROJEK JAMBATAN
PENGKALAN KUBOR-TAK BAI DAN
CADANGAN PROJEK JAMBATAN
RANTAU PANJANG - SUNGAI GOLOK**

01

13.02.2020

**LAWATAN KE TAPAK PROJEK TENDER
SEMULA KLINIK KESIHATAN JENIS 7
CHEGAR PERAH LIPIS,
PAHANG DARUL MAKMUR**

02

17.02.2020

**GOTONG-ROYONG EKSA DIY DI
KAWASAN KOMPLEKS
IBU PEJABAT JKR KELANTAN**

03

04

**LAWATAN KERJA
PENGARAH JKR KELANTAN
KE 4 JAJAHAN DI KELANTAN**

05

20.02.2020

**KARNIVAL KEJOHANAN INDOOR
GAME KELAB SUKAN, SOSIAL DAN
KEBAJIKAN (KSSK)
IBU PEJABAT JKR KELANTAN**

06

24.02.2020

**LAWATAN PENYELIAAN LATIHAN
INDUSTRI POLITEKNIK KOTA BHARU
SESI 1 DAN SESI 2**

07

SUDUT INFORMASI

08

JCOP CAFE

10.02.2020

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR & PEMBANGUNAN), KKR KE CADANGAN PROJEK JAMBATAN PENGKALAN KUBOR-TAK BAI DAN CADANGAN PROJEK JAMBATAN RANTAU PANJANG – SUNGAI GOLOK



TUMPAT, 10 Februari 2020 – Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KKR mengadakan lawatan kerja ke Cadangan Projek Jambatan Pengkalan Kubor, Kelantan dan Tak Bai, Thailand. Di samping itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KKR juga berkesempatan melawat ke Cadangan Projek Jambatan Rantau Panjang dan Sungai Golok. Lawatan tersebut diiringi oleh Ir. Hj. Nik Soh Bin Yaacoub, Jurutera Awam Penguasa Bahagian Pengurusan Korporat, JKR Kelantan. Pembinaan jambatan tersebut bertujuan bagi meningkatkan sektor ekonomi termasuk pelancongan kedua-dua negara. Malahan, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara dua negara serta sektor pelancongan sempadan atau border tourism dijangka akan dapat dipertingkatkan lagi.



13.02.2020

LAWATAN KE TAPAK PROJEK TENDER SEMULA KLINIK KESIHATAN JENIS 7 CHEGAR PERAH LIPIS, PAHANG DARUL MAKMUR

PAHANG, 13 Februari 2020– Lawatan Klinik Kesihatan (Jenis 7 Teratai) Chegar Perah, Lipis Pahang yang telah diadakan pada 13 Febuari 2020 dan dihadiri 20 kakitangan JKR Kelantan yang terdiri daripada Jurutera Awam Kanan Rekabentuk, Jurutera Jajahan Kuala Krai, Jurutera Bangunan Kuala Krai, Jurutera Bangunan Tanah Merah dan HODT serta jajahan yang terlibat. Lawatan tersebut bagi tujuan mengenalpasti masalah-masalah dan isu yang telah berlaku bersama tindakan yang telah dibuat oleh JKR Kuala Lipis.





17.02.2020

GOTONG-ROYONG EKSA DIY DI KAWASAN KOMPLEKS IBU PEJABAT JKR KELANTAN.

JKR KELANTAN, 17 Februari 2020 – JKR Kelantan telah mengadakan gotong-royong Perdana EKSA DIY di kawasan Kompleks Ibu Pejabat JKR Negeri Kelantan. Taklimat gotong-royong tersebut telah disampaikan oleh Ir. Hj. Zailan Bin Ab. Rahman, Pengarah JKR Kelantan. Harapan beliau agar seluruh warga JKR Kelantan dapat memberikan kerjasama dalam menjaga kebersihan kawasan jabatan. Gotong royong Perdana EKSA DIY ini diadakan bagi memberi tumpuan kepada kebersihan persekitaran Ibu Pejabat JKR Kelantan. Gotong royong ini juga diadakan bagi memupuk sifat kesukarelaan di kalangan kakitangan dan pegawai serta meningkatkan keceriaan dan keharmonian jabatan.



**LAWATAN KERJA
PENGARAH JKR KELANTAN
KE 4 JAJAHAN DI KELANTAN**



JKR KUARI



JKR JAJAHAN MACHANG



JKR JAJAHAN PASIR PUTEH

JKR JAJAHAN KOTA BHARU



20.02.2020

KARNIVAL KEJOHANAN INDOOR GAME KELAB SUKAN, SOSIAL DAN KEBAJIKAN (KSSK) IBU PEJABAT JKR KELANTAN



JKR KELANTAN, 20 Februari 2020-

JKR Kelantan telah mengadakan Karnival Kejohanan Indoor Game. Karnival tersebut telah dianjurkan oleh Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan (KSSK) Ibu Pejabat JKR Kelantan. Karnival tersebut telah diadakan di Bangunan Puspanita JKR Kelantan bagi acara Congkak, Dart, Carrom Board, dan Dam Haji. Manakala bagi pertandingan Bola Jaring Kategori Perempuan diadakan di Perkarangan JKR Kelantan. Majlis telah dirasmikan oleh Ir. Hj. Zailan Bin Ab. Rahman, Pengarah JKR Kelantan dan turut hadir bersama iaitu Ir. Hj. Nik Soh Bin Yaacoub selaku Yang Dipertua KSSK. Karnival tersebut disambut meriah oleh kakitangan JKR Kelantan.

Tahniah diucapkan kepada Bahagian Bangunan JKR Kelantan yang telah menjadi Johan Keseluruhan bagi Kejohanan Indoor Game. Hadiah telah disampaikan oleh Ir. Hj. Nik Soh Bin Yaacoub selaku Yang Dipertua KSSK. Tujuan karnival tersebut diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara kakitangan JKR Kelantan. Di samping itu, ia juga dapat memberi pendedahan kepada kakitangan JKR Kelantan mengenai jenis-jenis permainan indoor.

Tahniah!





24.02.2020
LAWATAN PENYELIAAN LATIHAN INDUSTRI
POLITEKNIK KOTA BHARU
SESI 1 DAN SESI 2



JKR KELANTAN, 24 Februari 2020 - Unit Perhubungan dan Latihan Industri telah mengadakan lawatan penyeliaan latihan industri untuk pelajar-pelajar politeknik yang sedang menjalani latihan industri di JKR Kelantan. Lawatan tersebut merupakan Lawatan Penyeliaan Latihan Industri Politeknik Kota Bharu. Di samping itu, lawatan penyeliaan tersebut terbahagi kepada dua sesi iaitu Sesi 1 dan Sesi 2. Lawatan tersebut diselia oleh Puan Kamilah Binti Zainuddin, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Am Politeknik Kota Bharu.

Seramai 68 orang palajar latihan industri yang terlibat mengikuti lawatan penyeliaan tersebut. Sedikit taklimat ringkas telah disampaikan oleh Puan Nik Suhaila Binti Nik Mat, Penolong Jurutera Awam Bahagian, Bahagian Pengurusan Korporat, JKR Kelantan kepada semua pelajar berkenaan. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengadakan perjumpaan dengan pelajar dan menyemak buku laporan pelajar tersebut.



Logo JKR mencerminkan semua bidang kerja yang telah dipertanggungjawabkan kepada jabatan ini. Maksud-maksud bagi objek dalam Logo JKR adalah seperti berikut :

- Garisan lekuk hitam di bahagian bawah melambangkan kerja air di samping mencerminkan JKR sebagai sebuah organisasi yang dinamik.
- Garisan tebal hitam berbentuk arca melambangkan kerja jambatan di samping menggambarkan JKR yang pada dasarnya menjalankan semua kerja-kerja kejuruteraan.
- Garisan lurushitam di atasnyamelambangkan kerja-kerja jalanyang menjadi tanggungjawab pihak JKR untuk membina, menyelenggara dan menjaganya.
- 14 garisan hitam melambangkan kerja bangunan di samping mencerminkan 14 bilangan negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan.

Warna-warna pada Logo JKR ini muga mempunyai maksud-maksudnya yang tersendiri, iaitu :-

- Kuning (ICI 456) : Melambangkan kedewasaan atau kematangan untuk mencerminkan JKR sebagai sebuah organisasi yang paling lama ditubuhkan di samping menunjukkan imej yang paling matang dalam mencapai objektifnya.
- Hitam (ICI 122) : Melambang kan kekukuhan atau perpaduan sebagai satu ciri di kalangan cawangan-cawangan di dalam pengendalian projek-projek.
- Kelabu (ICI 105) : Melambangkan sikap rendah diri dalam perkhidmatan di kalangan pekerjapekerja di JKR.



JCoP Café telah diperkenalkan sejak tahun 2013 dan telah pun dinaiktaraf kepada Portal JCoP Café v2.0 pada 2019. Ia merupakan satu aplikasi kolabratif atas talian yang diwujudkan kepada warga Jabatan Kerja Raya (JKR). Portal interaktif ini diwujudkan juga untuk menyokong inisiatif 'Communities of Practice (CoP)' di bawah program Enterprise Content & Knowledge Management JKR Malaysia. Ia merupakan platform bagi berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman di bidang teknikal dan bukan teknikal. Portal ini dapat memberi perkongsian idea kepada warga JKR dalam menangani masalah pekerjaan harian.

Konsep yang diperkenalkan di Portal JCoP Café adalah bersifat 'Tanya dan Bincang' dan ia berteraskan 'community-based-wisdom' yang diterajui oleh sekumpulan pakar rujuk dari pelbagai domain. Terdapat 9 domain dengan 53 sub domain yang disediakan. 9 domain tersebut adalah Project Management, Technical & Contract Admin, Human Resource Management, Assets Facilities Management, Contract Management, Stakeholders Management, Structure, Green dan Building Information Modeling. Sepanjang 2019, Portal JCoP Café telah merekodkan 995 interaksi dengan pecahan 260 soalan, 462 jawapan dan 270 kome. Interaksi yang terbanyak adalah domain Technical & Contract Administration, dimana ia mempunyai 248 interksi dengan pecahan 74 soalan, 133 jawapan dan 61 komen.

Moderator Portal JCoP Café adalah terdiri dari pegawai jabatan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan berpengalaman luas dalam bidang kepakaran masing-masing. Antara bidang kepakaran yang diwujudkan adalah Kejuruteraan Jalan, Senibina, Kejuruteraan Geoteknik, Kejuruteraan Cerun, Pengurusan Aset dan Projek, Pengurusan Penyenggaraan Jalan, Kejuruteraan Awam & Struktur, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga, Kontrak & Ukur Bahan dan Pengurusan Penyenggaraan Bangunan. Dengan 10 bidang kepakaran, maka jabatan telah pun melantik 110 moderator. Moderator ini terdiri dari pakar yang dinamakan oleh Ketua Jabatan, Pakar Bidang Khusus dan Pakar Rujuk Jabatan.

Dari aspek pengunjung JCoP Café sepanjang 2019, seramai 42,331 pengunjung telah direkodkan dengan purata pengunjung sebulan adalah 3,482 pengunjung. Dari jumlah ini 786 adalah pengguna baru. Setiap pengunjung JCoP Café menghabiskan purata masa 2.37 minit bagi setiap sesi. Bilangan pengunjung yang optimum adalah pada hari Selasa dengan catatan 10,316 pengunjung. Waktu puncak pengunjung adalah pada jam 10.00 pagi dengan catatan 4,781 pengunjung.

Sumber oleh: 2019

- Analitik Portal JCoP Café, Unit Enterprise Content & Knowledge Management

ALAMAT PEJABAT



HUBUNGI KAMI

Layari melalui telefon pintar



Imbas kod QR dengan alat mudah alih anda

IBU PEJABAT

Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan,
Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-7455800 Fax: 09-7462453
Email: jkrkelantan@kelantan.gov.my



LAMAN SESAWANG
J-PEDIA